

AKTIVITI MEMBACA

Buku teks [m/s150]



Membaca

Hidup Saling Memahami



Aktiviti

1. Baca teks dan terangkan makna rangkai kata yang berwarna biru.
2. Masyarakat Malaysia hidup aman harmoni. Jelaskan usaha-usaha untuk mengekalkan keadaan ini.

"Eh, kamu datang seorang saja, Kim Ong! Mana Segaraja?" terpacul kata-kata itu dari mulut Najmi sewaktu menyambut kedatangan rakannya itu di muka pintu. Setelah bersalaman, Kim Ong dipersilakan masuk.

"Segaraja tidak dapat datang. Dia mengikut ibu bapanya pergi ke kuil. Ada upacara keagamaan, katanya," jelas Kim Ong. Langkahnya dihayun kemas menuju ke ruang tamu rumah banglo setingkat itu.

"Sunyi sepi sahaja rumah kamu, Najmi. Ibu bapa kamu mana?" tanya Kim Ong. Pandangannya melilau ke sekeliling. Lehernya dipanjangkan.

"Ibu dan bapa saya ke masjid. Hari ini ada kursus haji. Kalau tiada aral melintang dan diizinkan Allah, mereka akan menunaikan haji tahun ini," kata Najmi lalu menghidangkan minuman dan buah-buahan.

"Minumlah dulu, Kim Ong. Selepas minum, barulah kita bekerja," kata Najmi. Bibirnya menguntumkan senyuman sambil matanya mengerling ke arah timbunan buku dan majalah di atas meja.

Setelah selesai berbual, Najmi dan Kim Ong pun mula menjalankan operasi mereka. Mereka mencari bahan yang sesuai bagi menyiapkan teks pidato yang bertajuk, "Kepentingan Menghayati Rukun Negara".

Sehelai demi sehelai halaman majalah diselak oleh Kim Ong. Gembiranya Kim Ong apabila terjumpa artikel tentang keharmonian masyarakat Malaysia. Artikel itu dibacanya dengan teliti. Dia mencatat fakta-fakta penting untuk dijadikan isi teks pidatonya.

Sedang Kim Ong dan Najmi ralat menelaah bahan bacaan tersebut, tiba-tiba laungan azan berkumandang menandakan masuknya waktu solat Asar. Najmi menyuarakan hajatnya untuk mendirikan solat. Kim Ong akur. Dia faham benar akan tanggungjawab Najmi sebagai Muslim.

Hidup Harmoni

Malaysia ialah negara yang penduduknya menganuti pelbagai agama. Terdapat penganut agama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan sebagainya di Malaysia.

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Islam ialah agama Persekutuan. Namun begitu, agama-agama lain boleh diamalkan di Malaysia. Hal ini bermakna bahawa walaupun kedudukan agama Islam itu istimewa, Perlembagaan tidak menafikan hak penganut-penganut agama lain.

Rakyat negara ini begitu menghormati agama, budaya dan amalan keagamaan pelbagai bangsa. Sikap saling memahami sudah wujud dalam jiwa rakyat Malaysia sejak berbilang tahun lamanya.

LIVEWORKSHEETS

A. Padankan *rangkai kata* dan maknanya yang terdapat dalam petikan.

menelaah

terpacul

melilau

timbunan

menganuti

jiwa

tiada aral

tiada halangan

nyawa, roh (yg ada dlm
tubuh manusia)

menerima sesuatu ajaran
(aliran, fahaman, dsb) sbg
pegangan yg teguh

mengkaji semula
(mengulang) pelajaran

longgokan

memandang ke sana ke
mari

Keluar atau datang dengan
tiba-tiba

B. Isi tempat kosong dengan menggunakan *rangkai kata* yang terdapat dalam petikan.

1. Amir berjalan laju dengan tangannya _____ menuju ke belakang rumah jirannya kerana dikhuatiri perbuatan ponteng sekolah diketahui oleh ibunya.

2. Rahman _____ kepada keluarganya bahawa dia ingin memperisterikan Azie.

3. Kim Swee sedang _____ bahan yang dikongsikan oleh gurunya di aplikasi whatapps.

4. Walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya tetapi sikap saling hormat-menghormati dan tolak ansur sudah _____ masing-masing.

5. Khairi terlantar sakit di hospital kerana mengalami jangkitan kuman di paru-paru namun dia sentiasa _____ kepada pelawat yang datang menziarahinya.